

**HARTA SEPENCARIAN:KLASIFIKASI,PROSEDUR  
DAN PELAKSANAAN DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA<sup>1</sup>**

Oleh:

**YANG ARIF TUAN HAJI MOHAMMAD TAIFOR BIN AHMAD RUSDI, PMP, AMP.**

**HAKIM UTAMA**

**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH**

**PERAK DARUL RIDZUAN**

Harta adalah satu perkara yang amat penting bagi setiap individu untuk menjalani kehidupan dengan lancar, teratur dan sejahtera, serta meneruskan kelangsungan hidup di atas muka bumi ini. Memiliki harta juga akan memberikan ketenangan kerana ia memberi jaminan dari aspek material bagi masa hadapan atau masa-masa tua bagi setiap orang.

Allah SWT menjadikan alam ini dengan pelbagai sumber yang diperlukan oleh manusia. Allah juga membenarkan manusia untuk meneroka sumber-sumber dan kekayaan yang ada bagi memakmurkan bumi ini serta membangunkannya bagi faedah, manfaat juga kepentingan umat manusia. Sebagaimana firman-Nya dalam *Surah Hud* (11) ayat 61 yang bermaksud, "Dialah (Allah) menjadikan kamu (manusia) daripada bahan-bahan bumi dan menentukan kepada kamu tugas memakmurkannya (bumi)."

Allah SWT turut berfirman dalam *Surah an-Nisaa'* (4), ayat 32 yang memberi maksud, "Dan janganlah kamu terharap-harap limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian daripada kamu melebihi sebahagian yang lain, orang-orang lelaki ada bahagian daripada apa yang ia usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan. Maka berusaha dan pohonlah kepada Allah akan limpah

---

<sup>1</sup> Sebahagian daripada perbincangan dalam kerta ini telah dijadikan sebagai kertas kerja dengan tajuk, "Harta Sepencarian dalam Isu Tanah Tertakluk Akta Tanah Berkelompok" bagi International Conference on Islamic Jurisprudence (ICIJ) 2018 anjuran Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Prince of Songkla Universiti, Phuket, pada 30 April 2018.

kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui tiap-tiap sesuatu." Oleh yang demikian, pemerolehan harta secara kebiasaan dan fitrahnya akan diusahakan tanpa mengira kedudukan dan latar belakang. Termasuklah apabila seseorang itu memasuki alam perkahwinan. Kebiasaannya ia akan meneruskan usaha atau melakukan sesuatu supaya mempunyai modal (bekalan wang) yang mencukupi untuk kehidupan seharian. Bekalan wang atau modal itu dijadikan sebagai simpanan untuk masa hadapan atau pada waktu-waktu kecemasan dan mendesak.

Manusia berusaha untuk memperoleh harta tentunya dengan pelbagai cara. Berusaha sendiri menurut kemampuan atau secara bersama ketika berkongsi hidup dalam sesebuah perkahwinan juga adalah antara kaedah untuk memperoleh harta. Walau bagaimanapun, apabila berlaku krisis dalam sesebuah perkahwinan seperti perceraian atau berpoligami, maka ia boleh menimbulkan persoalan tentang bahagian yang berhak terhadap harta terlibat untuk dimiliki oleh setiap pihak atau pasangan. Di sinilah timbulnya konsep harta sepencarian dan perbincangan mengenainya.

Berdasarkan pengamatan dan pemerhatian penulis yang telah hampir tiga dekad beramal dan berkecimpung dalam bidang perundangan dan kehakiman Islam di Malaysia, masyarakat Islam di negara ini masih belum benar-benar memahami atau begitu terdedah tentang konsep harta sepencarian. Walau bagaimanapun, tuntutan terhadap harta sepencarian di mahkamah syariah di Malaysia adalah sesuatu yang agak memberangsangkan. Hal ini menunjukkan bahawa peruntukan yang terdapat dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia mengenai harta sepencarian cuba diraikan dan dimanfaatkan oleh masyarakat Islam di negara ini.

Dengan perkembangan yang berlaku ini, maka kertas ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan konsep harta sepencarian dan peruntukan undang-undang yang berkaitan. Selain itu, terdapat juga isu-isu yang menarik untuk diteroka dan dirungkai yang berkaitan dengan harta sepencarian. Antaranya menyentuh tentang tanah-tanah yang tertakluk di bawah undang-undang tertentu serta mempunyai kriteria yang tersendiri, berbanding dengan harta lain yang boleh dimiliki secara sempurna (milk tam). Maka penulis mengambil peluang untuk meneroka permasalahan dan isu yang timbul apabila berlaku krisis dalam sesebuah perkahwinan.

### **Klasifikasi Harta Sepencarian**

Harta Sepencarian boleh didefinisikan sebagai harta yang diperoleh bersama oleh suami dan isteri dalam tempoh perkahwinan.<sup>2</sup> Harta ini juga boleh membawa maksud sebagai pendapatan atau harta yang didapati daripada usaha bersama antara suami isteri termasuk pendapatan yang didapati daripada modal antara suami isteri,<sup>3</sup> dalam tempoh perkahwinan mereka.

Dalam membincangkan harta sepencarian, satu perkara yang perlu diambil perhatian adalah dengan memastikan kefahaman terhadap konsep-konsep harta yang terdapat dalam pengurusan harta keluarga Islam. Setiap konsep dalam hal-ehwal harta mempunyai hukum-hukum yang tersendiri. Dalam hal ini, istilah "harta bawaan," "harta pusaka," "hadiah," atau "hibah" mempunyai konsep, ciri-ciri dan kesan dan perbezaan yang tersendiri. Kesemua harta ini jika dimiliki oleh pihak isteri sebelum berlakunya perkahwinan akan terus menjadi hak miliknya secara mutlak setelah ia berkahwin, dan tidak termasuk dalam erti harta

---

<sup>2</sup> M.B. Hooker, *The Personal Laws of Malaysia: An Introduction* (Oxford University Press, 1976), 77.

<sup>3</sup> Azlina binti Abd Latif, *Harta Sepencarian: Perlaksanaan dan Penilaian menurut Hukum Syarak* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 14.

sepencarian. Begitu juga sebaliknya jika perkara ini berlaku di pihak suami. Selanjutnya, harta isteri yang diperoleh dalam tempoh berkahwin dengan wangnya sendiri, hasil titik peluhnya tanpa adanya sebarang sumbangan sama ada langsung atau tidak langsung daripada suami, juga tidak termasuk dalam erti harta sepencarian.<sup>4</sup>

Walaupun bagaimanapun, berbeza keadaannya jika suami memperoleh harta dalam tempoh perkahwinan walaupun pemerolehan itu menggunakan wangnya sendiri, atau hasil titik peluhnya tanpa sebarang sumbangan secara langsung daripada pihak isteri. Sekalipun isteri bekerja seperti suami, tetapi kita harus faham bahawa isteri tidak bertanggungjawab untuk mencari rezeki demi kelangsungan hidup ahli-ahli keluarga. Sumbangan isteri sama ada secara langsung seperti menyediakan makan minum, memastikan kebersihan pakaian semua ahli keluarga, memelihara anak-anak dalam perkahwinan dan apa-apa sahaja perkara bagi melancarkan kehidupan termasuk di pihak suami, maka ia akan menjadikan harta yang diraih oleh pihak suami sebagai harta sepencarian.

Selain itu, sama ada harta isteri atau harta suami yang dibawa sebelum berkahwin kemudian dimajukan secara bersama dalam masa perkahwinan, maka harta tersebut juga termasuk dalam harta sepencarian.<sup>5</sup>

Dalam Bahagian Permulaan, Seksyen 2. Tafsiran, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri, harta sepencarian ditafsirkan sebagai, "harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak;..."

---

<sup>4</sup> Abdul Walid Abu Hassan, *Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, cet. pertama (Cyberjaya: UIM Press, 2016), 118.

<sup>5</sup> Abdul Walid, *Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, 119.

Berdasarkan peruntukan dan amalan-amalan sebelum ini, harta sepencarian adalah termasuk: a) harta yang diperoleh suami dan isteri melalui usaha bersama mereka semasa perkahwinan; b) harta yang diperoleh suami melalui usahanya sendiri semasa perkahwinan dengan sumbangan secara tidak langsung daripada isteri; dan c) apa-apa hasil dan nilai tambahan daripada perkembangan dan pemajuan melalui usaha sendiri pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu, atau usaha bersama pihak-pihak kepada perkahwinan itu semasa perkahwinan berkenaan dengan: i) apa-apa harta kepunyaan suami atau isteri sebelum perkahwinan; ii) apa-apa harta yang diperoleh isteri melalui usahanya sendiri semasa perkahwinan; atau iii) apa-apa hadiah, pemberian (hibah), wasiat, sedekah atau harta pusaka yang diterima atau apa-apa harta lain yang diperoleh suami atau isteri sebelum atau semasa perkahwinan.

Oleh yang demikian, dapat dijelaskan di sini bahawa, harta yang diperoleh isteri semasa perkahwinan melalui usahanya sendiri tanpa ada sedikitpun sumbangan langsung daripada suami bukanlah harta sepencarian. Selain itu, apa-apa sumbangan oleh isteri dalam menjaga keluarga dan rumah tangga atau apa-apa urusan lain yang berhubungan dengan pemerolehan harta hendaklah dikira sebagai usaha bersama dalam mentafsirkan takrif "harta sepencarian," dan apa-apa sumbangan oleh suami dalam menunaikan kewajipannya untuk menjaga keluarga dan rumah tangga sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum syarak, tidaklah dikira sebagai usaha bersama bagi maksud mentafsirkan takrif "harta sepencarian."

Selanjutnya, apa-apa sumbangan oleh suami selain sumbangan dalam menunaikan kewajipannya untuk menjaga keluarga dan rumah tangga sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum syarak yang membawa kepada pemerolehan harta hendaklah dikira sebagai

usaha bersama bagi maksud mentafsirkan takrif “harta sepencarian,” sementara harta kepunyaan suami atau isteri sebelum perkahwinan termasuk yang berupa hadiah, pemberian (hibah), wasiat, sedekah atau harta pusaka yang diterima atau sebarang harta lain yang diperoleh oleh suami atau isteri sebelum atau semasa perkahwinan bukanlah harta sepencarian.

Penentuan hak milik siapa harta yang diperoleh perlu dilihat kepada kaedah proses harta itu diperoleh sama ada **secara sendirian, berasingan atau bersama**. Jika harta itu milik isteri sebelum berkahwin, maka sudah tentu ia tetap hak milik isteri walaupun mereka sudah bertahun-tahun berkahwin, dan begitulah sebaliknya.

Jika harta yang sama dikembangkan sama ada melalui perniagaan atau pembelian hartanah dan sebagainya tanpa sumbangan daripada pihak suami, maka harta itu tetap menjadi hak isteri dan apabila berlaku penceraian, harta itu tidak boleh dituntut oleh suami atas alasan harta sepencarian atau harta bersama. Begitulah sebaliknya, ikatan perkahwinan antara seseorang lelaki dengan seseorang wanita atau beberapa orang wanita tidak sesekali menjejaskan hak milik harta yang dimiliki oleh suami atau isteri, kerana akad perkahwinan yang dilafazkan itu tidak mengakibatkan pemindahan hak milik harta kepada suami atau sebaliknya. **Penentuan bahagian harta sepencarian dilihat kepada usaha suami isteri dan sumbangan-sumbangan yang diberikan.**

### **Dalil Keharusan Harta Sepencarian**

Tidak terdapat perbincangan khusus dalam kitab-kitab fiqah yang muktabar mengenai hukum harta sepencarian kerana konsep dan amalan harta sepencarian antara suami isteri

hanya berlaku dalam kalangan penduduk Islam Nusantara yang meliputi negara-negara di sekitar Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura, Brunei dan Kemboja. Ia merupakan adat setempat yang telah diterima sebagai hukum dalam kalangan umat Islam di rantau Nusantara.

Pengiktirafan adat (al-'adah muhakkamah) sebagai sumber perundangan Islam telah dijelaskan melalui kaedah-kaedah fiqah seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Nujaim dan al-Suyuti sebagai: "adat resam sesuatu bangsa atau kaum yang tidak bertentangan dengan Islam boleh diterima pakai sebagai sebahagian daripada peraturan hidup dan perundangan bagi sesebuah negara."<sup>6</sup> Pandangan ini bersesuaian dengan Hadis yang bermaksud, "Apa saja yang dipandang kaum Muslimin merupakan kebaikan, maka di sisi Allah juga merupakan kebaikan. Dan apa saja yang dipandang kaum Muslimin merupakan keburukan, maka di sisi Allah juga merupakan keburukan." (Riwayat Ahmad)

Dalam amalan kehakiman di Malaysia, hakim-hakim syarie membuat penghakiman dalam kes-kes harta sepencarian akan menjadikan ayat 32 *Surah an-Nisaa'* sebagaimana yang telah dinyatakan pada awal bab ini sebagai dalil yang mengharuskan tuntutan harta sepencarian, ia sebagaimana yang bermaksud, "Orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan."

Selain daripada itu, kalangan mereka juga turut merujuk pandangan Sayyid Abdul Rahman di dalam Kitab *Bughyah* sebagaimana yang berikut:

---

<sup>6</sup> Al-Imam Jalaluddin al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Naza'ir*, jil. 1 (Beirut: Dar al-Kitab al-Alamiah, 1985), 195.

“Telah bercampur harta suami isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak dan tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya, kemudian berlaku perceraian antara kedua-duanya atau meninggal dunia maka tidak sah salah seorang daripada mereka (suami isteri atau warisnya) memerintah (mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezakan atau sebelum dibuat perdamaian (*al-sulh*) kecuali bersama-sama dengan pemiliknya sebab tidak ada *murrajih* (tidak ada tanda yang membezakan). Seperti mereka berkata: 'Jika bercampur burung merpati kedua-duanya (suami isteri) pada ketika itu jika boleh diketahui atau dibezakan kedua-duanya, tetapi jika tidak diketahui dan tidak dapat dibezakan, perkara ini hendaklah ditangguhkan sehingga suami isteri atau waris **kedua-duanya berdamai** ataupun **menyerah** (hibah) dengan sama banyak atau berlebih kurang jika mereka (suami isteri) dan waris orang-orang yang sempurna (bukan mahjur 'alaihi) dan wajib supaya jangan berkurang pembahagiannya daripada setengah bagi orang yang *mahjur* (orang yang tidak dibenarkan mentadbir harta). Tetapi jika berlaku kebiasaan yang tetap bahawa salah seorang daripada kedua-duanya (suami isteri) mendapat pendapatan yang lebih banyak daripada seorang lagi maka perdamaian (sulh) dan penyerahan (hibah) adalah berdasarkan demikian (lebih kurang), **jika mereka tidak menyetujui** satu pun daripada yang demikian, maka pihak yang memiliki sesuatu daripada harta (memegang harta) akan diterima cakupannya dengan sumpahnya, bahawa harta itu miliknya. Tetapi jika harta itu dimiliki oleh kedua-duanya (masing-masing memegang harta), maka masing-masing boleh meminta pihak yang lain bersumpah, kemudian harta itu dibahagi dua.” (Sayyid Abdurrahman, 1994: 159).

### **Harta Sepencarian menurut Undang-undang**

Peruntukan yang berhubung dengan harta sepencarian tersebut adalah dalam Seksyen 122 (sebelum ini di Seksyen 58) iaitu berkaitan dengan pembahagian harta sepencarian. Ia menyebut:



## Pembahagian Harta Sepencarian

"122. Kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian.

(1) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperoleh oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh setiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu;

(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;

(c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

(3) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;

(b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi dalam apa-apa hal, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

(5) Bagi maksud seksyen ini, sebutan mengenai aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan oleh satu pihak termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.” (Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang)

Peruntukan tersebut memberi perhatian terhadap **sumbangan untuk mendapatkan aset dan usaha sama dalam memajukan aset tersebut**, dan ia dijadikan **sebagai faktor penentu**. Berdasarkan undang-undang yang ada juga, pihak-pihak boleh membuat tuntutan hak pembahagian harta sepencarian melihat kepada faktor-faktor sumbangan termasuk kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga.

### **Prosedur Penentuan Pembahagian Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah: Penentuan Sumbangan Langsung dan Tidak Langsung**

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, penentuan kadar pembahagian harta sepencarian adalah dengan melihat kepada sumbangan secara langsung dan tidak

langsung pihak-pihak dalam pemerolehan harta tersebut. Subseksyen 4 Seksyen 122 dengan jelas menerangkan kehendak ini. Walaupun begitu, ia memberi cabaran kepada hakim yang membicarakan tuntutan harta sepencarian untuk menentukan kadar tersebut.

Penentuan hak milik harta yang diperoleh itu, **perlu dilihat kepada proses harta itu diperoleh sama ada secara sendirian, berasingan atau bersama**. Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, jika harta itu milik isteri sebelum berkahwin, maka sudah tentu ia tetap hak milik isteri walaupun mereka sudah bertahun-tahun berkahwin dan begitulah sebaliknya. Dalam menentukan kadar bahagian harta sepencarian, peruntukan undang-undang jelas menyatakan bahawa takat sumbangan dalam mendapatkan sebarang aset, atau usaha sama dalam memajukan aset tersebut, akan dijadikan sebagai faktor penentu. Sebagaimana yang sudah dinyatakan juga, peruntukan yang ada juga turut menyentuh aset yang dihasilkan melalui usaha tunggal satu pihak, yang membolehkan pihak-pihak menuntut hak pembahagian harta sepencarian melihat kepada faktor-faktor sumbangan termasuk kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga.

Contoh-contoh sumbangan antaranya adalah seperti **penggunaan nama dalam aset** tersebut kerana menggunakan nama adalah berisiko, **membayar deposit dan membayar ansuran bulanan**. Selain itu, menggunakan **pengaruh diri** untuk memperoleh harta itu juga boleh dinilai sebagai sumbangan. Situasi ini adalah seperti **menggunakan nama bapa yang mempunyai pengaruh tertentu**, atau latar belakang keluarga yang datang dari kalangan orang ternama atau seumpamanya.

Menggunakan kemudahan di tempat pasangan bekerja seperti membuat **pinjaman dengan syarikat tempat pasangan bekerja** juga boleh dianggap sebagai suatu sumbangan yang bernilai. Melakukan urusan-urusan yang berkaitan dengan pembelian hartanah terlibat

seperti mengisi borang permohonan; menyerahkan kepada pemaju; membuat tindakan-tindakan susulan (follow up); berusaha mendapatkan peguam cara dalam pengurusan berkenaan; dan menggunakan dua nama dalam membuat pinjaman bagi membesarkan lagi kebarangkalian untuk mendapat kelulusan, juga sumbangan yang bernilai dan tidak boleh dipandang kecil.

Sumbangan secara tidak langsung oleh isteri adalah seperti sumbangan ke arah kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga yang boleh diambil kira kerana ia memberikan keselesaan kepada pasangan untuk memperoleh sebarang harta.

Ada beberapa kadar yang boleh diputuskan oleh pihak mahkamah. Ia boleh mencapai tahap sama banyak ( $\frac{1}{2}$ ) jika ia usaha bersama dan sumbangan juga sama banyak. Boleh jadi juga satu-satu pihak itu mendapat bahagian sebanyak  $\frac{1}{3}$ ,  $\frac{1}{4}$ ,  $\frac{1}{5}$  atau lain-lain bergantung pada faktor-faktor yang disebutkan tadi jika ia usaha tunggal satu pihak sahaja. Kadar yang akan diperolehi oleh pihak-pihak akan ditentukan oleh Hakim selepas mendengar semua keterangan di dalam perbicaraan. Kadar sumbangan langsung dan sumbangan tidak langsung akan dicampur dan diambil kira untuk menentukan bahagian masing-masing oleh Hakim.

Biasanya selepas semua pihak memberi keterangan baik samada secara lisan atau dokumen, diakhir perbicaraan Hakim akan menilai semua keterangan tersebut. Jika pihak Plaintiff gagal membuktikan sumbangannya dalam pemerolehan harta yang dipertikai samada sumbangan langsung atau tidak langsung, pihak Defendan akan diberi hak untuk bersumpah menafikan tuntutan tersebut, maka harta tersebut kepunyaan Defendan, jika

Defendan gagal membuktikan sumbangan di pihaknya pula, harta tersebut menjadi milik Plaintiff.

Jika kedua-dua pihak gagal membuktikan sumbangan masing-masing, kedua-dua pihak dikehendaki bersumpah. Apabila kedua-dua pihak bersumpah, harta tersebut akan dibahagi sama banyak. Jika kedua-dua pihak enggan bersumpah, harta tersebut juga akan dibahagi sama banyak. Jika salah seorang sahaja yang bersumpah, maka harta itu terpulung semuanya kepada yang bersumpah. Jika salah seorang atau semua pihak telah mati, maka hukum bersumpah itu dipertanggungjawabkan ke atas warisnya sekiranya waris itu menuntut.<sup>7</sup>

Bahagian yang diberikan oleh hakim di akhir perbicaraan samada dalam pecahan seperti  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{3}$ ,  $\frac{1}{4}$ ,  $\frac{1}{5}$ ,  $\frac{1}{6}$  dan sebagainya atau dalam bentuk peratusan 80%, 50%, 30% , 25% dan seumpamanya. Campuran sumbangan langsung dan tidak langsung yang telah diberikan oleh pihak-pihak akan membentuk bahagian yang akan diperolehi oleh mereka di akhir perbicaraan nanti.

Sebagai panduan, jika isteri tidak bekerja yang taat dan memelihara rumahtangga dengan baik, menjaga makan minum suami dan anak-anak tetapi tidak pergi menemani suami dalam urusan mencari rezki bolehlah diberikan hak harta sepencarian sebanyak 25% atau  $\frac{1}{4}$ . Jika isteri seperti keadaan seperti di atas, tetapi sentiasa menemani suami ke mana sahaja dalam usaha suami memperoleh harta dan sentiasa memberi dorongan dan semangat, bolehlah diberi hak hs sebanyak  $\frac{1}{3}$  atau 33.33%.

---

<sup>7</sup> Anita binti Abdullah lwn Zainuddin bin Ariffin, JH 4 [1982] 73

Jika isteri tidak bekerja tetapi banyak memberi sumbangan langsung seperti menggunakan pengaruh bapanya yang ternama atau mengisi borang permohonan, menyerahkan kepada pemaju, membuat tindakan-tindakan susulan dan berusaha mendapatkan peguamcara bagi suami memperoleh harta sepencarian tersebut. Oleh itu sumbangannya yang tidak langsung sebagai isteri yang taat dan sentiasa menjaga keluarga dicampur dengan sumbangan langsung tersebut, bolehlah diberikan hak harta sepencarian sebanyak 40% atau 45%.

Jika isteri bekerja dan banyak memberi sumbangan langsung seperti membayar separuh dari ansuran bulanan juga membayar deposit, dan namanya juga termasuk dalam perjanjian jual beli bagi memperoleh harta sepencarian tersebut. Oleh itu sumbangannya yang tidak langsung sebagai isteri yang taat dan sentiasa menjaga keluarga dicampur dengan sumbangan langsung tersebut, bolehlah diberikan hak harta sepencarian sebanyak 50% atau pun lebih jika didapati sumbangan langsungnya banyak berbanding dengan suaminya.

### **Isu-Isu Yang Sering Berbangkit Di Mahkamah Syariah Berhubung Harta Sepencarian**

#### **Isu Pertama: Tuntutan Harta Sepencarian selepas Kematian**

Jika dilihat pada Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri, jelas menunjukkan bahawa mahkamah syariah hanya berbidang kuasa untuk membicarakan dan seterusnya membuat perintah pembahagian harta sepencarian apabila mahkamah syariah telah memerintahkan sesuatu perkahwinan dibubarkan: sama ada melalui perceraian atau pengesahan cerai taklik, khuluk atau fasakh. Seksyen berkenaan menyebut bahawa:

**"Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperoleh oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu." (penekanan oleh penulis)**

Tidak terdapat pada mana-mana peruntukan yang menyatakan harta sepencarian boleh dituntut selepas kematian. Peruntukan yang hampir berkaitan ialah, ia boleh dituntut semasa permohonan berpoligami dengan peruntukan yang menyebut:

"Tiap-tiap Mahkamah yang memberi kebenaran atau memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan di bawah seksyen ini, hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan itu untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan."<sup>8</sup>

Sekiranya mahkamah membicarakan tuntutan harta sepencarian sedangkan tiada peruntukan yang diberikan oleh undang-undang iaitu Parlimen bagi Persekutuan atau Dewan Undangan Negeri bagi negeri yang berkuasa memberi apa-apa kuasa kepada mahkamah dengan mentakninkan sesuatu undang-undang bertulis, ia memberi makna bahawa mahkamah telah menceroboh kuasa Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atau dengan erti kata lain, mahkamah membicarakan sesuatu perkara tanpa kuasa yang diberikan seperti mana yang dijelaskan oleh Tun Abdul Hamid sebagaimana berikut:

"Saya berhujah bahawa, pertama: mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah dalam keadaan yang tersebut di atas kerana, (di Wilayah Persekutuan) Seksyen 58 AUKI (WP) 1984 hanya membolehkan

---

<sup>8</sup> Seksyen 23(10) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2003. Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri yang lain bagi peruntukan dengan tujuan yang sama.

mahkamah membuat perintah pembahagian harta sepencarian dalam dua keadaan yang disebut itu. Seksyen 46(2)(b)(iv) APAI (WP) 1993 tidak boleh **digunakan** untuk meluaskan bidang kuasa mahkamah membuat perintah pembahagian harta sepencarian dalam keadaan lain selain daripada yang diperuntukkan oleh Seksyen 58. Jika mahkamah berbuat demikian, ia bererti bahawa mahkamah telah mencerooboh bidang kuasa dan mengambil alih tugas Parlimen. Hanya Parlimen yang berkuasa memberi bidang kuasa kepada mahkamah, tertakluk kepada apa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Arahan Amalan dan fatwa juga tidak boleh meluaskan atau menambah bidang kuasa mahkamah.”<sup>9</sup>

Jika dilihat pada mana-mana peruntukan lain dalam undang-undang bertulis induk yang sedia ada seperti undang-undang pentadbiran agama Islam dan undang-undang keluarga Islam, tidak terdapat pula peruntukan umum yang boleh menggunakan hukum syarak bagi mengisi sebarang lakuna. Sebaliknya, peruntukan untuk menggunakan hukum syarak jika terdapat sebarang lakuna hanya terdapat dalam Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-negeri.<sup>10</sup> Ia hanya berkaitan dengan tatacara perjalanan percabangan dan prosedur sahaja. Oleh yang demikian peruntukan ini tidak memberi kebenaran kepada mahkamah untuk menggunakan hukum syarak bagi membicarakan sebarang tuntutan yang tidak terdapat dalam undang-undang induk.

Justeru itu, hampir benar dakwaan yang menyatakan tuntutan harta sepencarian selepas kematian adalah satu penyalahgunaan kuasa mahkamah untuk menidakkan, atau

---

<sup>9</sup> Tun Abdul Hamid Mohamad, "Pengurusan Harta Orang Islam: Konflik Bidang Kuasa Mahkamah dan Kesannya ke atas Ekonomi Ummah" (pembentangan kertas kerja di Seminar Faraid dan Perancangan Pewarisan: Isu Harta Beku dan Penyelesaiannya di Malaysia, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia [IKIM], 29 Mac 2016 di IKIM).

<sup>10</sup> Lihat Seksyen 245 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004. Lihat juga Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-negeri yang lain.



mengurangkan hak ahli waris dalam harta pusaka atau faraid kerana jika tuntutan harta sepencarian dibenarkan dan perintah pembahagian dibuat sama ada setengah-setengah ( $\frac{1}{2}$ ) atau satu pertiga ( $\frac{1}{3}$ ) dan sebagainya, ia akan mengurangkan hak ahli waris dalam harta pusaka tersebut. Malah ia akan menambah banyak hak mereka yang mendapat harta sepencarian. Contohnya isteri: jika dia yang menjadi pihak yang menuntut dan telah mendapat perintah setengah ( $\frac{1}{2}$ ) daripada harta peninggalan suaminya sebagai harta sepencarian, maka dia akan mendapat satu perdelapan ( $\frac{1}{8}$ ) lagi daripada harta pusaka suaminya jika suaminya mati meninggalkan anak ( $\frac{1}{2} + \frac{1}{8}$ ), atau mendapat satu perempat ( $\frac{1}{4}$ ) jika tiada anak ( $\frac{1}{2} + \frac{1}{4}$ ) daripada keseluruhan harta yang ditinggalkan.

Keadaan ini seolah-olahnya tidak adil kepada semua pihak yang terlibat. Sebaliknya, jika harta sepencarian tidak dituntut oleh pasangan si mati yang masih hidup, peruntukan yang akan diterima melalui faraid adalah lebih sedikit, dan mungkin masih tidak memadai untuknya meneruskan kehidupan. Bahagian lain daripada harta pusaka tentunya akan diperoleh oleh waris-waris yang lain. Lebih malang lagi jika ia berlaku terhadap isteri yang tidak bekerja, sedangkan telah sekian lama hidup bersama si mati (suaminya) sehingga berdekad-dekad lamanya dengan memberi sumbangan secara langsung dan tidak langsung termasuklah dalam bentuk wang ringgit, tenaga dan sokongan moral.

Kadang kala isteri atau suami berinisiatif secara sukarela dengan berhutang untuk membantu pasangan mereka demi memajukan kehidupan, ataupun dengan melibatkan diri dalam bidang perniagaan; ataupun berhutang untuk membeli aset tertentu semasa mereka hidup bersama. Oleh itu, jika tuntutan harta sepencarian tidak dibenarkan, tentulah pasangan yang ditinggalkan terpaksa meneruskan kehidupan dengan menanggung hutang sendirian.

Sekiranya kita lihat pada peruntukan bidang kuasa umum mahkamah tinggi syariah dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, dengan mengambil contoh Negeri Pulau Pinang dalam Seksyen 61(3)(b)(viii) dan (ix), ia menjelaskan seperti yang berikut:

"(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

- (a) .....dan
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—
  - (i).....
  - (ii).....
  - (iii)....
  - (iv)....
  - (v)....
  - (vi)....
  - (vii)....
  - (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;
  - (ix) penentuan orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak..."

Jelas dalam peruntukan berkenaan memberi bidang kuasa kepada mahkamah tinggi syariah untuk membicarakan tuntutan penentuan orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak. Dalam perbicaraan kes-kes seperti ini, akan timbullah nanti tuntutan-tuntutan sampingan yang lain oleh pihak-pihak antaranya tuntutan hibah, wasiat, harta sepencarian, dakwaan harta pusaka yang dituntut telah dijual dan sebagainya.

Oleh itu sebelum penentuan orang yang berhak dan penentuan bahagian mereka yang berhak dapat diputuskan, semestinya tuntutan sampingan yang lain itu diputuskan terlebih dahulu. Sebelum memutuskan tuntutan sampingan tersebut, mahkamah akan melihat bidang kuasanya untuk memutuskan tuntutan sampingan tersebut. Jika mahkamah mempunyai bidang kuasa, perbicaraan dalam perbicaraan akan dijalankan. Ternyata, tuntutan hibah, wasiat dan harta sepencarian adalah dalam bidang kuasa mahkamah syariah. Jika kes dakwaan harta itu telah dijual dengan cara penipuan dan sebagainya, mahkamah syariah akan menasihatkan mereka yang mendakwa agar membawa kes itu ke mahkamah sivil untuk dibicarakan dan diputuskan.

Penjelasan berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah boleh dilihat pada *kes Latifah Mat Zin Iwn. Rosmawati Sharibun & Anor*.<sup>11</sup> Pertikaian di sini menyentuh sejumlah wang yang disimpan di dalam dua akaun bersama: Dato' Sharibun (si mati) dengan isteri ketiganya (perayu). Kes ini menyerlahkan pertembungan bidang kuasa antara mahkamah-mahkamah sivil dengan syariah. Faktanya adalah, selepas kematian Dato' Sharibun, para responden, iaitu anak-anak perempuan si mati dengan isteri keduanya telah memfail petisyen bagi mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir bagi mentadbir harta pusaka si mati. Antara harta berkenaan termasuklah wang simpanan tersebut. Perayu menyatakan bahawa wang simpanan tersebut adalah pemberian semasa hidup (hibah) yang diberikan oleh si mati kepadanya, dan bukan sebahagian daripada pusaka si mati: dengan itu telah memfailkan kaveat terhadap pusaka.

Semasa pendengaran petisyen, mahkamah tinggi mengambil pendirian bahawa Undang-undang Islam berkaitan dengan hibah atau pemberian *inter vivos* adalah terpakai.

---

<sup>11</sup> *CLJ*, 5 [2007]: 253.

Walau bagaimanapun mahkamah tinggi turut memutuskan bahawa, di atas fakta, tiada hibah telah dimeterai untuk manfaat perayu. Perayu merayu dan berhujah bahawa Mahkamah Tinggi khilaf dalam mengguna pakai Undang-undang Islam berkaitan dengan hibah, dan bahawa, sepatutnya, yang arif hakim mengguna pakai undang-undang sivil berkaitan dengan perbankan dan kontrak, ataupun yang berkaitan dengan probet dan pentadbiran. Mahkamah Rayuan bersetuju dengan Mahkamah Tinggi bahawa hal perkara pertikaian adalah mengenai hibah antara orang-orang Islam, namun merumuskan bahawa bidang kuasa ke atasnya tidak terletak pada Mahkamah Tinggi Sivil berdasarkan Fasal 121A Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu, walaupun ia mendapati hibah telah dibuktikan mengenai wang simpanan, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan dan mengeneipkan perintah Mahkamah Tinggi. Perayu seterusnya merayu di Mahkamah Persekutuan. Diputuskan dengan menolak rayuan. Tun Abdul Hamid dalam penghakimannya menyatakan bahawa:

“Dalam kes semasa, terdapat petisyen untuk Surat Kuasa Mentadbir di Mahkamah Tinggi Sivil. Satu isu berbangkit sama ada atau tidak akaun bersama menjadi sebahagian dari pusaka si mati yang bergantung pada sama ada terdapat atau tidak pemberian *inter vivos* atau hibah. Pemberian tersebut membangkitkan isu hibah atau pemberian menurut Undang-undang Islam dan ia dikemukakan ke Mahkamah Tinggi untuk keputusan. Dalam keadaan sedemikian, mengambil kira Per. (ii) item 4(e) Senarai Persekutuan (yang menolak keluar undang-undang diri orang Islam mengenai pemberian atau pewarisan), item 1 Senarai Negeri (yang memperuntukkan Undang-undang Islam...orang-orang yang menganut ugama Islam... termasuk pemberian) serta Seksyen 61(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (yang memperuntukkan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tindakan-tindakan berhubung pemberian *inter vivos*), adalah jelas bahawa putusan sama ada wang di sini telah diberi sebagai hibah oleh si mati kepada perayu adalah satu perkara yang

berada di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Ia mengikut bahawa Mahkamah Rayuan betul dalam persoalan ini.

Dengan hal yang demikian, mahkamah ini lebih cenderung untuk menjawab persoalan yang menyentuh teras kes di sini sekali gus memutuskan rayuan dengan caranya yang tersendiri seperti berikut: di mana persoalan berbangkit mengenai sama ada sesuatu harta itu menjadi sebahagian daripada aset pusaka seorang Islam yang meninggal dunia dalam suatu petisyen untuk Surat Kuasa Mentadbir di Mahkamah Tinggi Sivil, yang mana jawapan kepadanya bergantung pada sama ada terdapat suatu pemberian *inter vivos* atau hibah menurut Undang-undang Islam, maka persoalan tersebut hendaklah diputuskan berdasarkan Undang-undang Islam mengenai pemberian *inter vivos* atau hibah. Pemutusan isu tersebut, serta tentang waris atau waris-waris yang berhak kepadanya dan jika begitu bagaimana ia harus diagihkan, sekiranya relevan, adalah termasuk di bawah bidang kuasa mahkamah syariah dan mahkamah sivil hendaklah memberi kesan kepadanya dalam Surat Kuasa Mentadbir, dan seterusnya dalam mengagihkan pusaka.”

Dalam kes *Latifah Mat Zin*, jelas mahkamah tinggi sivil telah memulangkan kes penentuan hibah kepada mahkamah syariah. Maka samalah juga di mahkamah syariah, jika ada kes-kes serupa ini yang bukan bidang kuasa mahkamah syariah, ia akan dipulangkan kepada mahkamah tinggi sivil untuk diputuskan. Tetapi jika ia dalam bidang kuasanya, mahkamah syariah akan membicarakannya demi mencari keadilan kepada pihak-pihak dan yang pasti perkara berhubung dengan hibah, wasiat dan harta sepencarian adalah di bawah bidang kuasa mahkamah syariah.

Sekiranya mana-mana enakmen induk tidak mempunyai peruntukan khusus mengenai sesuatu tuntutan sepertimana pengesahan seseorang yang mati sama ada dia Islam atau tidak, dan tuntutan untuk keluar daripada agama Islam seperti dalam Akta Pentadbiran

Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 Akta 505,<sup>12</sup> mahkamah boleh menggunakan kuasanya yang ada secara tersirat (impliedly) sepertimana yang telah diberi dalam Perlembagaan Persekutuan, Senarai II, Jadual Kesembilan. Penggunaan kuasa cara tersirat ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Soon Singh a/l Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)*,<sup>13</sup> Dzaidin FCJ (pada masa itu) yang memberikan penghakiman untuk Mahkamah Persekutuan telah menyatakan:

*“Therefore, when jurisdiction is expressly conferred on the matters to conversion to Islam, in our opinion, it is logical that matters concerning conversion out of Islam (apostasy) could be read necessarily implied in and falling within the jurisdiction of the Syariah Courts. One reason we can think of is that the determination of a Muslim conversion out of Islam involves inquiring into the validity of his purported renunciation of Islam under Islamic law in accordance with hukum syarak (Dalip Kaur). As in this case of conversion to Islam, certain requirements must be complied with under hukum syarak for a conversion out of Islam to be valid, which only the syariah courts are the experts and appropriate to adjudicate.”*

Kes yang berikut juga menyokong pendapat dalam kes sebelum ini iaitu kes *Md. Hakim Lee Iwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*<sup>14</sup> mengenai isu yang sama Abdul Kadir Sulaiman J (pada masa itu) telah membuat keputusan dengan menyarakan:

*“This matter of the plaintiff which involves the determination of his status upon his purported renunciation of the Islamic faith by the deed poll and the statutory declaration is outside the jurisdiction of this court to determine, on account of the ouster of the jurisdiction by art 121 (1A) of the Federal Constitution. By virtue of*

---

<sup>12</sup>Lihat Seksyen 46 Akta 505.

<sup>13</sup> *CLJ*, 2 [1999]: 5.

<sup>14</sup> *CLJ*, 4 [1997]: Supp 419.

*para 1 in List 11 of the Ninth Schedule to the Federal Constitution, the jurisdiction lies with the syariah court on its wider jurisdiction over a person professing the religion of Islam even if no express provisions are provided in the Administration of Islam Law (Federal Territories) Act 1993 ("the Act") because under Art. 74 of the Constitution, it is within the competency of the legislative to legislate on the matter. Its absent from the express provision in Act would not confirm the jurisdiction in the civil court."*

Oleh yang demikian, walaupun tidak ada sebarang peruntukan khusus dalam mana-mana undang-undang induk, tetapi peruntukan umum telahpun diberi. Maka secara tersiratnya, mahkamah syariah tetap mempunyai bidang kuasa bagi membicarakan apa-apa yang berkaitan dengan harta sepencarian. Tambahan lagi mahkamah syariah sememangnya diberi kuasa untuk menentukan sebarang perkara yang berkaitan dengan hukum syarak sepertimana yang diberi oleh Perlembagaan Persekutuan. Maka, apabila dirujuk kepada mana-mana kitab muktabar tentang kuasa sedemikian, mahkamah syariah sememangnya berhak dan boleh memutuskan kes-kes seperti itu. Buktinya adalah penjelasan yang dinukilkan di dalam *Kitab Bughyah*, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam subtopik sebelum ini.<sup>15</sup>

Jelas dalam nas berkenaan, terdapat perkataan "meninggal dunia dan waris," yang membawa makna bahawa perkara tersebut berlaku selepas kematian. Disebutkan bahawa, "...Jika mereka tidak menyetujui satu pun daripada yang demikian," perkara tersebut perlulah diselesaikan mengikut tatacaranya yang betul dalam perbicaraan. Isu yang dibangkitkan dalam teks kitab tersebut ialah percampuran harta suami dan isteri semasa perkahwinan mereka yang mungkin harta itu telah dibeli bersama atau salah seorang yang

---

<sup>15</sup> Sila lihat penjelasan dan huraianya di bawah subtajuk, Dalil Keharusan Harta Sepencarian oleh Sayyid Abdul Rahman.

mengeluarkan modal dan satu pihak yang membantu dalam mengembangkannya. Dengan kata lain bolehlah harta tersebut dipanggil sebagai harta sepencarian.

### **Isu Kedua:** Saham Syarikat sebagai Harta Sepencarian

Harta sepencarian yang menjadi pertikaian di mahkamah syariah adakalanya melibatkan jumlah aset atau wang yang besar sehingga bernilai jutaan ringgit. Perkara ini disebabkan suami isteri yang bertikai adalah usahawan-usahawan yang berniaga dalam syarikat-syarikat yang besar. Ada antaranya yang disenaraikan di papan pertama dan kedua Bursa Saham. Seseengah saham syarikat tersebut dimiliki secara majoriti oleh pasangan suami isteri. Mereka menguasai syarikat tersebut berbanding dengan pemegang-pemegang saham yang lain. Seseengah syarikat tersebut telah dibina lama dan bertapak kukuh atas nama keluarga.

Antara senario yang boleh berlaku adalah, apabila isteri mendapat bahagiannya daripada saham-saham syarikat setelah diperintahkan oleh mahkamah, maka saham bahagian suami atau saham keluarga di dalam syarikat tersebut telah menjadi minoriti. Keadaan ini sebenarnya akan membahayakan syarikat keluarga tersebut kerana saham majoriti telah dikuasai oleh orang lain pula. Suami tidak lagi memegang saham majoriti kerana sebahagian saham keluarga itu telah hilang apabila isteri membawa keluar saham-sahamnya. Pelbagai kemungkinan boleh berlaku, sama ada dia akan menjadi salah seorang pemegang saham dalam syarikat itu, ataupun dia menjualkannya kepada pemegang saham yang lain.

Oleh itu, bagi mengelakkan syarikat keluarga tersebut gulung tikar atau berpindah kepada orang lain, jika berlaku tuntutan harta sepencarian yang berupa saham-saham syarikat di mahkamah syariah, adalah amat baik sekiranya hakim-hakim yang



membicarakan kes berkenaan membuat tindakan dengan tidak memindah milik saham-saham syarikat yang diperuntukkan kepada suami atau isteri, tetapi hanya membuat perintah dengan menguntukkannya sahaja kepada pihak-pihak terlibat. Dengan cara itu, saham-saham syarikat milik suami atau isteri tidak akan berpindah tangan kepada orang lain dan syarikat keluarga tersebut akan kekal.

Sesetengah kes pula, isteri tidak menyumbang dalam syarikat secara langsung tetapi suami menjadikannya sebagai rakan kongsi yang tidak aktif (*sleeping partner*) dan pemegang saham. Ada juga isteri dijadikan sebagai pengarah syarikat dan menerima elaun bulanan daripada syarikat. Suami melakukannya dengan tujuan untuk mengurangkan pembayaran cukai syarikat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan ia juga dikira sebagai sebahagian daripada nafkah isteri.

Jika keadaan di atas berlaku dan isteri menuntut di mahkamah syariah sebahagian daripada harta syarikat sebagai harta sepencarian, mahkamah akan memastikan sama ada isteri seorang rakan kongsi yang aktif atau hanya *sleeping partner* sahaja. Dalam hal ini, isteri tetap akan mendapat harta syarikat itu sebagai harta sepencarian tetapi dalam kadar yang sedikit iaitu menurut kepada sumbangan tidak langsungnya sahaja. Jika dengan perintah yang diperolehi isteri (andaikan) sebanyak satu perempat ( $\frac{1}{4}$ ) daripada jumlah saham syarikat, pemegang suami terhadap syarikat tersebut akan menjadi minoriti. Dalam hal ini, mahkamah sebenarnya boleh memikirkan cara lain untuk melaksanakan perintah tersebut seperti dengan cara suami membayar nilai saham tersebut kepada isteri secara beransur-ansur. Itu lebih menyelamatkan kelangsungan syarikat berbanding suami perlu menyediakan wang secukupnya (yang tentunya dengan jumlah yang besar) bagi menebus saham yang terlibat untuk mengelakkannya menjadi pemegang saham minoriti.

Dengan cara tersebut, syarikat tersebut dapat diselamatkan daripada bertukar tangan ataupun berpecah.

Perkara seperti ini perlu dipertimbangkan bagi menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham yang berskala kecil yang terdiri daripada pelabur-pelabur kecil-kecilan daripada mendapat kerugian yang besar.

### **Isu Ketiga:** Pembekuan Saham dan Akaun Syarikat atau Akaun Peribadi dalam Tuntutan Harta Sepencarian

Pembekuan terhadap aset yang dituntut kerana menjadi sebahagian daripada harta sepencarian, boleh dipohon oleh pihak-pihak bagi menegah pihak yang berkepentingan daripada melupuskan harta sepencarian yang terlibat kerana dikhuatiri boleh menggagalkan tuntutan harta sepencarian, jika perintah tegahan tidak dibuat. Permohonan perintah tegahan daripada melupuskan harta sepencarian boleh dibuat dalam masa sesuatu prosiding hal-ehwal suami isteri belum selesai di mahkamah atau semasa prosiding tuntutan harta sepencarian sedang berjalan. Peruntukan Seksyen 108 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri dengan jelas menunjukkan perkara ini iaitu: <sup>16</sup>

“(1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan—

(a) jika sesuatu prosiding hal-ehwal suami isteri masih belum selesai di Mahkamah; dan

(b) dalam prosiding tersebut Mahkamah boleh membuat perintah di bawah Seksyen 122, mengeluarkan suatu perintah tegahan, menahan suami atau isteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada melupuskan apa-apa harta yang telah diperolehi secara

---

<sup>16</sup> Lihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

bersama semasa perkahwinan mereka berkuat kuasa jika Mahkamah berpuas hati adalah difikirkan perlu untuk berbuat demikian.

- (2) Kemungkiran mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan kepada Mahkamah.”

Berdasarkan pengalaman di mahkamah syariah, perintah yang dipohon termasuklah perintah pembekuan akaun syarikat atau akaun peribadi sesuatu pihak. Jika keadaan seperti ini berlaku iaitu sesuatu akaun peribadinya dibekukan, ia akan menyusahkan sebelah pihak yang dikenakan perintah tersebut. Pihak yang dikenakan perintah tidak dapat membuat urusan-urusan seperti biasa seperti mengeluarkan wang belanja harian atau bulanan, bayaran nafkah diri isteri serta anak-anak atau seumpamanya. Jika akaun syarikat pula, syarikat tidak akan dapat membuat sebarang urusan dengan pihak-pihak yang biasa berurusan dengan syarikat terbabit seperti menerima atau membuat bayaran. Ia bukan hanya akan melibatkan pihak yang dituntut, tetapi juga klien-klien syarikat yang langsung tidak mempunyai kaitan dalam perbalahan suami isteri terbabit.

Oleh yang demikian, jika ada kes harta sepencarian melibatkan akaun peribadi individu, maka perlulah dipecahkan wang yang terdapat di dalam akaun tersebut: diasingkan wang peribadi daripada wang yang dianggap sebagai harta sepencarian, bagi mengelakkan sebarang kesukaran berlaku. Jika ia bercampur, hakim perlulah memecahkan akaun tersebut dengan mengarahkan pihak yang kena tuntutan membuka akaun baharu untuk urusan hariannya dengan dikeluarkan wang peribadi dari akaun yang dituntut itu. Baki daripada wang tersebut yang didakwa atau dipertikaikan sebagai harta sepencarian akan dimasukkan ke dalam satu akaun khas dan ia dibekukan sehingga kes selesai. Pendek kata, injunksi yang diberi tidaklah boleh menjejaskan sebarang pembayaran sara hidup atau kebajikan mana-mana pihak kepada perkahwinan itu dan orang-orang yang di bawah

tanggungannya. Bagi akaun syarikat pula, mahkamah tidak boleh melakukan pembekuan secara total yang menegah sebarang transaksi daripada dilakukan apatah lagi dengan niat untuk merosakkan syarikat tersebut. Mahkamah boleh mengarahkan wang di dalam akaun syarikat tersebut yang telah dipastikan sebagai harta sepencarian sahaja dibekukan dengan diasingkan ke dalam satu akaun lain. Dengan cara itu, aktiviti syarikat akan dapat berjalan seperti biasa.

#### **Isu Keempat:** Permasalahan Harta Sepencarian dengan Aset Tertakluk Dalam Akta Tanah Berkelompok

Tuntutan harta sepencarian yang sering berlaku di mahkamah syariah, juga akan melibatkan aset yang terletak di bawah bidang kuasa Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530). Ia melibatkan pembahagian harta sepencarian antara suami, isteri dan juga ahli-ahli waris yang lain apabila berlaku kematian salah seorang pasangan sama ada suami atau isteri dalam rancangan pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA, RISDA<sup>17</sup> dan lain-lain.

Akta ini telah digubal pada tahun 1960 selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan. Akta ini berkuat kuasa pada 30 Mei 1960 dan ia diguna pakai bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja, kecuali Pulau Pinang dan Melaka. Akta ini kemudiannya dipinda untuk memasukkan kedua-dua negeri ini dan ia berkuat kuasa pada 1 Januari 1966. Tujuan penggubalan akta ini adalah bagi menyeragamkan pelaksanaannya bagi semua negeri di Semenanjung iaitu dari segi polisi serta kuasa eksekutif yang diberikan kepada pihak berkuasa negeri. Matlamat utama

---

<sup>17</sup> RISDA memberi maksud Rubber Industry Smallholders Development Authority iaitu Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

penggubalan akta ini adalah bagi mewujudkan satu penempatan baharu secara terancang dengan menyediakan sumber-sumber ekonomi melalui pembukaan ladang-ladang oleh agensi pelaksana.

Pembangunan terancang ini berlandaskan peraturan dan sekatan-sekatan seperti yang terkandung dalam akta berkenaan untuk memastikan kawasan yang dimajukan akan mencapai matlamat pembangunan ekonomi secara maksimum dari segi hasil ladang dan pendapatan peneroka. Matlamat sampingan atau secara tidak langsung adalah bagi membasmi kemiskinan dan agihan tanah kepada penduduk yang tidak bertanah serta mewujudkan satu masyarakat yang harmoni dan berdaya maju.

Seksyen 12(1) Akta 530 ini menjelaskan tentang Buku Daftar Pegangan (Register of Holding) yang menghendaki setiap peneroka terpilih untuk menyertai pembangunan dalam satu-satu kawasan didaftarkan dalam Buku Daftar Pegangan sebagai pendudukan dalam menunggu hak milik (Expectation of Title). Menjadi tanggungjawab agensi pelaksana untuk mengadakan pengambilan peneroka-peneroka untuk menyertai tanah-tanah rancangan dengan kerjasama kerajaan negeri. Pemilihan dibuat berasaskan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi oleh calon seperti termaktub dalam Seksyen 19 iaitu:

- i. warganegara,
- ii. tidak mempunyai tanah atau memiliki tanah dengan keluasan tidak melebihi dua ekar termasuk tanah yang dimiliki isteri, dan
- iii. tidak memiliki lot tanah bandar atau memiliki satu lot tanah bandar untuk kediaman sendiri.

Sepertimana termaktub dalam akta ini, beberapa sekatan dimasukkan dengan tujuan untuk menjamin pembangunan tanah pertanian dilaksanakan secara berterusan dengan pengeluaran hasil yang maksimum yang memberi keuntungan kepada peneroka. Antara sekatan tersebut ialah:

1. Seksyen 14 – tidak membenarkan Pegangan Luar Bandar dikeluarkan kepada lebih daripada dua orang pemegang yang dikira sebagai pegangan bersama atau pemilik bersama, dan
2. Seksyen 15 – kawasan Pegangan Desa tidak boleh pada bila-bila masa dibelah bahagi (subdivided or partitioned). Seksyen ini juga tidak membenarkan pegangan desa dipajak (leased) sama ada sebahagian atau kesemuanya.

Walau bagaimanapun, akta ini telah pun dipinda pada tahun 2002 yang melibatkan Seksyen 12, 14 dan 15 yang membolehkan pegangan desa diberi milik dan dimiliki bersama tidak melebihi daripada dua orang pemilik. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan isteri, bekas isteri atau waris kadim peneroka dimasukkan ke dalam pegangan desa sebagai pegangan bersama atau pemilik bersama. Pindaan tersebut memperuntukkan, "Bekas isteri yang sama-sama masuk ke rancangan dan tinggal bersama suami sehingga berlaku perceraian, layak dan berhak untuk menuntut memasukkan nama sebagai pemegang bersama."

Keadaan ini boleh berlaku apabila salah satu pihak suami atau isteri mendapat perintah perletakan hak harta sepencarian atau harta pusaka apabila berlaku kematian suami atau isteri.

Berbalik kepada konteks FELDA atau mana-mana rancangan tanah berkelompok yang lain, syarat kelayakan tuntutan harta sepencarian ialah bekas isteri itu mestilah sama-sama masuk ke tanah rancangan bersama suami dan tinggal bersama di tanah rancangan sehinggalah berlaku penceraian.

Sebenarnya harta sepencarian yang melibatkan tanah rancangan sedikit sebanyak adalah berbeza dengan harta sepencarian dalam bentuk yang biasa kerana harta sepencarian di tanah rancangan diikat oleh peraturan-peraturan tertentu yang tidak menghadkan kepada budi bicara mahkamah mengikut GSA (Group Settlement Areas Act) 1960. Perkara ini telah ditegaskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, YA Mohd. Nazri Abdul Rahman dalam kes *Amnah Ariffin lwn. Noor Azhar Umar*.

Menurut beliau dalam penghakiman kes tersebut bahawa 50% daripada bayaran kembali adalah layak diperoleh oleh isteri yang diceraikan. Ringkasan kepada seksyen tersebut ada dinyatakan dalam Pekeliling Jabatan Tanah No. 1/2006 perenggan 4.2 mengenai kadar pembahagian boleh dibuat berasaskan 50% daripada bayaran kembali yang telah dijelaskan oleh peneroka kepada FELDA. Lima puluh peratus (50%) yang membawa makna  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada yang telah dibayar oleh suami. Jika masih berada dalam hutang dengan milik mutlak masih belum diperoleh, isteri atau bekas isteri telah layak memiliki bahagian sebanyak 50%. Maka tentulah lebih-lebih lagi jika harta itu telah diselesaikan hutangnya.

Walau bagaimanapun, Seksyen 12 akta yang sama membenarkan nama isteri dimasukkan sebagai pemegang bersama dengan perintah mahkamah. Seksyen 12(5) akta tersebut menyebut:

“Where an order of court made in accordance with the Islamic Family Law Enactment applicable in the state or The Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 vests a rural holding in the wife, ex wife or next-of-kin of a holder, the Collector shall enter the name of the wife, ex wife or next-of-kin as co-holder in the register of holding accordingly.”

Oleh yang demikian, sekalipun wujud sumbangan oleh isteri dan harta itu diisytiharkan sebagai harta sepencarian, harta-harta tersebut tidaklah boleh dipecah-bahagi, disewa, digadai, ditukar hak milik atau sebagainya kerana sekatan oleh Seksyen 12 tersebut. Walaupun begitu, hak isteri masih wujud dengan memasukkan namanya sebagai penama bersama dalam geran hak milik dengan perintah mahkamah. Memasukkan nama isteri bersama dengan suami dalam daftar pegangan tersebut membolehkan isteri menikmati apa-apa perolehan daripada hartanah tersebut secara saksama sebagaimana yang diperolehi suami.

Peraturan untuk memasukkan nama bekas isteri bagi harta yang telah diselesaikan bayaran kembali ada juga disebut dalam Pekeliling Jabatan Tanah Bil.1/2006. Oleh itu apabila perceraian berlaku setelah bayaran kembali telah diselesaikan tetapi belum menerima geran hak milik, isteri bolehlah memasukkan namanya dalam Buku Daftar Pegangan dengan nasihat Pengurus dan persetujuan suami (*Kes Amnah Ariffin lwn. Noor Azhar Umar*). Perenggan 6. A. i. Pekeliling tersebut menyebut:

“Bagi kes di mana nama isteri belum dimasukkan dalam daftar pegangan ketika belum bercerai, Pengurus dikehendaki menasihatkan dan mendapatkan persetujuan bekas suami untuk memasukkan nama bekas isteri dalam daftar pegangan. Bagaimanapun, jika bekas suami tidak bersetuju, perkara tersebut bolehlah dirujuk ke Mahkamah Syariah atau Sivil.



Perenggan 6.A. iv. Pekeliling yang sama menyatakan: Dalam kes di mana bekas suami tidak bersetuju, Pengurus hendaklah menasihatkan dan membantu bekas isteri supaya mendapatkan perintah Mahkamah sama ada Mahkamah Syariah atau Sivil supaya namanya dimasukkan dalam Buku Daftar Pegangan.”

Manakala apabila berlaku perceraian setelah bayaran kembali diselesaikan dan selepas menerima geran hak milik pula, isteri berhak untuk memasukkan namanya dalam daftar pegangan dengan syarat adanya persetujuan bekas suami. Jika bekas suami tidak bersetuju, Pengurus hendaklah membantu dan menasihatkan isteri supaya mendapatkan perintah mahkamah bagi namanya dimasukkan dalam hak milik bekas suami (*Kes Amnah Ariffin lwn. Noor Azhar Umar*). Perenggan 6.C. Pekeliling Jabatan Tanah Bil. 1/2006 menyebut:

1. “Bagi kes di mana nama isteri belum dimasukkan dalam daftar pegangan ketika belum bercerai, Pengurus dikehendaki menasihatkan dan mendapatkan persetujuan bekas suami untuk memasukkan nama bekas isteri dalam hak milik.
2. Sekiranya bekas suami bersetuju, minta bekas suami merujuk kepada Pejabat Tanah, seterusnya mengisi dan menandatangani Borang Pindah milik.
3. Selepas diluluskan dan didaftarkan nama bekas isteri sebagai pemilik bersama, dapatkan salinan hak milik untuk rekod dan simpanan.
4. Dalam kes di mana bekas suami tidak bersetuju, Pengurus hendaklah menasihatkan dan membantu bekas isteri supaya mendapatkan perintah mahkamah sama ada Mahkamah Syariah atau Sivil supaya namanya dimasukkan dalam hak milik bekas suami.

5. Selepas mendapat perintah mahkamah, Pengurus dikehendaki membantu bekas isteri untuk merujuk kepada Pejabat Tanah bagi mendaftarkan nama bekas isterinya itu sebagai pemilik bersama. Dapatkan salinan hak milik untuk rekod dan simpanan.”

Fakta kes, plaintif dan defendan dalam kes ini adalah bekas pasangan suami isteri. Mereka berkahwin pada 21 Julai 1979. Pasangan ini memasuki Tanah Rancangan FELDA Jelai 2 pada 16 April 1981. Sebagai peneroka, mereka telah diberikan suku ekar tanah tapak rumah dan sebuah rumah berserta lapan ekar ladang getah untuk diusahakan. Pada peringkat awal kemasukan mereka ke FELDA, ladang getah masih belum mengeluarkan hasil. Defendan telah mengerjakan ladang tersebut dengan bantuan Plaintif sehinggalah hasil diperoleh.

Bagi mendapatkan hasil yang lebih, Defendan dikatakan telah bertindak melanggar peraturan FELDA dengan menjual hasil ladang kepada pihak lain. Perlakuan tersebut tidak disenangi oleh pihak FELDA dan selepas beberapa amaran, Defendan akhirnya telah disingkirkan daripada FELDA Jelai 2 pada 21 April 1997.

Plaintif dan defendan kemudiannya telah bercerai secara talak rajie kali pertama pada 22 Mac 2000, iaitu kurang lebih tiga tahun selepas beliau disingkirkan dari FELDA kerana kesalahan tatatertib. Selepas bercerai, defendan masih kekal tinggal di FELDA Jelai 2 bersama anak-anak manakala Plaintif telah keluar dari FELDA Jelai dan tinggal berasingan. Defendan, selepas disingkirkan dari FELDA Jelai 2, telah membuat rayuan dan akhirnya diterima masuk semula ke Tanah Rancangan FELDA Jelai 2 pada 23 Januari 2002. Semasa kemasukan semula defendan ke Tanah Rancangan FELDA Jelai 2, baki hutangnya masih tertanggung sebanyak RM19,785.69. Bagaimanapun, baki hutang itu telah dilupuskan oleh pihak FELDA.

Pasangan ini berkahwin semula pada 27 Disember 2005, walau bagaimanapun telah bercerai buat kali kedua pada 29 Jun 2007. Pada tahun 2005 juga geran hak milik telah diperoleh atas nama defendan. Selepas perceraian kali kedua pada 29 Jun 2007, Plaintiff yang merasakan berhak terhadap harta-harta FELDA tersebut kemudiannya telah memfailkan permohonan ke mahkamah ini bagi menuntut harta-harta sepencarian yang diperoleh di tanah rancangan tersebut. Antara lain harta-harta yang dituntut oleh Plaintiff ialah:

1. sebuah rumah dan lapan ekar tanah ladang di Felda Jelai 2 atas nama defendan diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara plaintiff dan defendan; dan
2. agar plaintiff diberikan  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada nilai hartanah dan/atau hasil yang diusahakan daripada tanah tersebut.

Defendan walau bagaimanapun tidak bersetuju dengan tuntutan plaintiff agar  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada nilai hartanah dan/atau hasil daripada hartanah tersebut. Dalam kes itu beberapa isu telah dibangkitkan iaitu:

1. sama ada harta-harta tersebut iaitu merupakan harta sepencarian,
2. sama ada plaintiff memberi sumbangan terhadap pemerolehan harta-harta tersebut,
3. sama ada kemasukan semula defendan secara bersendirian adalah usaha tunggal yang menjadikan plaintiff tidak layak untuk memiliki hartanah-hartanah tersebut, dan
4. sama ada plaintiff berhak untuk mendapatkan  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada hartanah atau hasil yang diusahakan daripada hartanah tersebut.

Selepas mempertimbangkan permohonan plaintif dan setelah mendengar keterangan-keterangan yang dikemukakan, mahkamah ini berpuas hati dan meluluskan tuntutan plaintif bahawa:

1. sebuah rumah dan lapan ekar tanah ladang di Felda Jelai 2 atas nama defendan Nor Azhar bin Umar adalah diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara plaintif dan defendan,
2. bahawa nama plaintif Amnah bt Arifin K/P No. 550320-01-5698 hendaklah dimasukkan sebagai pemegang bersama di dalam Buku Daftar Pegangan tanah-tanah tersebut, dan
3. bahawa plaintif adalah berhak terhadap 1/3 daripada hasil yang diperoleh daripada tanah-tanah tersebut manakala 2/3 lagi hendaklah diberikan kepada defendan.

Isu meletakkan nama isteri dalam pegangan Rancangan Tanah Berkelompok di bawah Akta 530 ini hampir selesai dengan pindaan akta tersebut dalam Seksyen 12, 14 dan 15 pada tahun 2000 walaupun suami dan isteri telah bercerai dengan syarat telah mendapat persetujuan bekas suami ataupun dengan perintah mahkamah.

Walau bagaimanapun, isu lain boleh timbul jika isteri tersebut bukan warganegara Malaysia kerana Seksyen 19 akta yang sama telah menyekat bukan warganegara daripada memiliki tanah tersebut. Dalam keadaan ini, timbul persoalan sama ada pihak berkuasa negeri (PBN) boleh meluluskan peletakan nama isteri yang bukan warganegara. Sebenarnya terdapat ruang untuk membolehkannya kerana ia di bawah bidang kuasanya.

Sekalipun PBN tidak meluluskan peletakan nama isteri tersebut, mahkamah syariah yang membuat perintah harta sepencarian hendaklah membuat perintah menguntukkan bahagiannya sahaja dalam aset tersebut yang memberikan hak kepada isteri untuk mendapat manfaat daripada aset tersebut mengikut bahagian yang telah diuntukkan kepadanya.

Selanjutnya, jika tanah rancangan berkelompok atau mana-mana tanah yang menjadi pertikaian sebagai harta sepencarian tersebut adalah Tanah Rizab Melayu (TRM) dan isteri bukan warganegara, ia tetap tidak dapat meletakkan namanya dalam tanah tersebut atas sekatan Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Bab 142) di bawah Seksyen 7(1). Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri Bersekutu ini hanya membolehkan pemindahan milik terhad kepada orang Melayu sahaja. Dalam konteks ini, sekiranya seorang Melayu Islam yang berkahwin dengan pasangan berbangsa asing, apabila pasangan Melayu itu meninggal dunia, waris si mati (suami atau isteri) yang berbangsa asing tidak berhak atau layak untuk membuat pemindahan milik tanah tersebut walaupun perintah pembahagian harta pusaka yang melibatkan tanah rizab Melayu dari segi hukum Syarak boleh diletak hak kepada pasangan yang berbangsa asing. Begitu juga jika perintah mahkamah memberi hak kepada isteri yang berbangsa asing yang telah diceraikan, pemindahan milik tanah tersebut tetap tidak boleh dilaksanakan. Seksyen 7(1) Enakmen Rezab Melayu Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Bab 142) memperuntukkan:

“No State land included within a Malay Reservation shall be sold, leased or otherwise disposed of to any person not being a Malay.\*Provided that the Ruler in council may alienate State Land within a Malay Reservation to any body corporate or company specified in the Third Schedule, which the Ruler in Council may, by order published in the Gazette, add to, delete from, or amend, from time to time: And provided further that any State Land thus alienated shall be deemed

to be a Malay holding.\*As applicable to Perak, Pahang & Selangor.”[Perak En. No. 3/62; Pahang En. No. 1/62 & Sel. En. No. 15/61].”

Terdapat juga satu kes yang berlaku di Negeri Terengganu iaitu kes *Aishah@Azlan binti Daud lwn. Ng Kok Tai @ Abdul Halim bin Abdullah*. Dalam kes ini Ng Kok Tai selaku plaintif telah menuntut di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu untuk mengisytiharkan sebuah tanah atas hak milik GM 2822 No. Lot 4186 Mukim Kuala Telemung, Hulu Terengganu sebagai harta sepencarian dan menuntut 7/8 bahagian terhadap harta tersebut atas alasan pembiayaan aset tersebut adalah secara langsung daripadanya manakala defendan hanya menyumbang secara tidak langsung sahaja.

Plaintif mendakwa nama yang diletakkan di atas nama defendan bagi tanah tersebut adalah disebabkan tanah itu rizab Melayu yang tidak membolehkannya tanah tersebut diletakkan ke atas namanya. Pada akhir perbicaraan, mahkamah telah memutuskan bahawa harta tersebut adalah harta sepencarian dan plaintif berhak untuk mendapat  $\frac{1}{2}$  bahagian harta sepencarian itu. Ia hendaklah didaftarkan atas nama Tengku Nuriah binti Tengku Abdul Rahman (isterinya) sebagai nomini kepada plaintif. Keadaan ini menunjukkan bahawa kekangan yang terdapat dalam undang-undang negara masih bersifat fleksibel untuk disesuaikan dengan matlamat harta sepencarian.

**Isu Kelima:** Tanah Lesen Tumpangan (Temporary Occupation Licence [TOL])

Tanah Lesen Tumpangan (Temporary Occupation Licence [TOL]) bermaksud tanah atau kawasan yang diberi lesen pendudukan sementara oleh orang atau pihak tertentu. Ia juga memberi maksud sebagai tanah kerajaan yang dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara

(LPS). Apabila seseorang diberi tanah TOL ia boleh mendudukinya dan mendapatkan manfaat daripada tanah tersebut, tetapi ia bukanlah pemilik berdaftar bagi tanah berkenaan.

Individu yang mendapat tanah TOL ini hanya boleh mengambil manfaat tetapi tidak menerima geran hak milik: bermakna ia juga tidak boleh melakukan sebarang muamalah atau transaksi kepada pihak lain seperti menjual, memajak atau menggadai tanah berkenaan. Dengan perkataan lain, haknya amat terhad tidak sebagaimana pemilik berdaftar kepada mana-mana tanah lain yang lebih bebas untuk bermuamalah. Biasanya lesen yang diberikan akan memberikan individu hak untuk menduduki atau mengambil manfaat ke atas tanah TOL selama satu tahun sahaja. Tempoh itu akan luput secara automatik pada setiap 31 Disember bagi setiap tahun. Seseorang perlu membuat permohonan bagi memperbaharui lesen itu setiap kali tamat tempoh.<sup>18</sup>

Biasanya TOL dikeluarkan atas permohonan individu atau syarikat, bergantung pada jenis penggunaan tanah seperti untuk aktiviti pertanian atau maksud-maksud lain. Walau bagaimanapun telah menjadi amalan dengan pemegang lesen TOL akan mengemukakan permohonan pembaharuan (renewal) pada setiap tahun bagi menyambung penggunaan tanah kerajaan tersebut. Dari aspek pampasan, pemegang TOL hanya layak menerima pampasan jika Pihak Berkuasa Negeri (PBN) menamatkan lesen TOL tersebut secara pramatang seperti lesen TOL masih berkuat kuasa tapi Pihak Berkuasa Negeri terpaksa membatalkan lesen atas sebab-sebab tertentu. Sekiranya lesen TOL tamat tempoh, pemegang lesen TOL tidak layak untuk menuntut sebarang pampasan ke atas hasil yang telah dibangunkan ke atas tanah tersebut. Begitu juga sekiranya lesen TOL tidak disambung. Selain daripada itu bekas pemegang lesen TOL tidak mempunyai sebarang hak

---

<sup>18</sup> Portal Rasmi Pejabat Tanah dan Galian Selangor, <http://ptg.selangor.gov.my/index.php/pages/view/246?mid=109> [capaian pada 22 Mei 2018].

eksklusif ke atas tanah yang terlibat dan tidak mempunyai *locus standi* di bawah undang-undang negara ini.

Secara amnya tanah TOL tidak boleh dijual beli kerana pemegang lesen TOL hanya diberi hak untuk menduduki tanah kerajaan tersebut secara sementara. Selain daripada itu, di bawah Kanun Tanah Negara 1965, lesen TOL ini tidak boleh dipindah milik kepada individu lain atau turun milik kepada individu lain atas sebarang sebab. Sekiranya Lesen TOL tamat tempoh dan tiada pembaharuan lesen diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, bekas pemegang lesen berkenaan boleh dianggap telah menceroboh tanah kerajaan sekiranya dia terus melakukan sebarang aktiviti terhadap (atau di) tanah tersebut. Kesalahan boleh dikenakan kompaun sebanyak RM5000.00. Jika dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara dan sabit kesalahan, boleh membawa kepada hukuman denda tidak lebih RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

Di bawah Seksyen 65 Kanun Tanah Negara, ada dijelaskan bahawa "suatu kebenaran dalam bentuk lesen yang bersifat sementara diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pihak yang diberikan kuasa untuk suatu tujuan yang telah dikhaskan di mana tanpanya seseorang itu akan dianggap sebagai penceroboh dan boleh dikenakan tindakan undang-undang." Mereka yang layak memohon tanah TOL ialah:<sup>19</sup>

1. warganegara Malaysia selain remaja,
2. perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaan masing-masing memegang tanah raja-raja memerintah, kerajaan, organisasi dan

---

<sup>19</sup> Portal Rasmi Pejabat Tanah dan Galian Selangor, <http://ptg.selangor.gov.my/index.php/pages/view/246?mid=109>, [capaian pada 22 Mei 2018].



lain-lain orang yang diberi kuasa memegang tanah di bawah Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957, dan

3. badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah undang-undang bertulis masing-masing.

Permohonan untuk mendapatkan TOL boleh dibuat melalui pentadbir tanah oleh pemilik tanah sendiri yang permohonan hendaklah disertakan dengan segala dokumen yang berkaitan. Permohonan dibuat oleh pemohon melalui pejabat tanah daerah dan pemohon perlu membeli pelan untuk kawasan yang dipohon. Pemohon perlu mengisi borang LPS di pejabat tanah daerah. Borang yang telah lengkap diisi perlu dikemukakan semula ke Pejabat Tanah Daerah berserta dokumen-dokumen yang berikut iaitu salinan kad pengenalan pemohon; dua salinan pelan lokasi/kedudukan tanah; dan satu salinan LPS (jika ada). Kadar bayaran permohonan akan dikenakan di pejabat tanah daerah. Kelulusan adalah oleh pihak berkuasa kerajaan negeri bagi sesuatu negeri tersebut.<sup>20</sup>

Kembali kepada isu harta sepencarian, tuntutan harta sepencarian yang dibuat oleh pihak suami atau isteri juga berlaku setelah terjadinya perceraian terhadap tanah yang mendapat TOL ini. Oleh itu, mahkamah syariah yang membuat perintah pembahagian harta sepencarian ke atas tanah TOL tidak boleh memindah milik aset TOL ini kepada mana-mana pihak pun kerana ia bukan milik sempurna pemegang TOL. Pembahagian harta sepencarian hanya boleh dibuat terhadap manfaat atau hasil daripada tanah tersebut selagi TOL diberikan. Sekiranya TOL telah ditamatkan dan tanah tersebut telah diambil semula

---

<sup>20</sup> Portal Rasmi Pejabat Tanah dan Galian Selangor, <http://ptg.selangor.gov.my/index.php/pages/view/246?mid=109>, [capaian pada 22 Mei 2018].

oleh kerajaan, maka pembahagian hasil atau manfaat mengikut perintah harta sepencarian juga akan tamat. Jika kerajaan membayar apa-apa pampasan terhadap tanah TOL yang diambil sebelum tamat tempohnya, pampasan itu juga hendaklah dibahagi mengikut bahagian dalam perintah harta sepencarian tersebut.

### **Isu Keenam: Hak Orang Bukan Islam dalam Harta Sepencarian**

Kadang-kadang, berlaku juga isu dalam tuntutan harta sepencarian apabila tuntutan berkenaan melibatkan orang bukan Islam. Antara permasalahan yang boleh timbul apabila sepasang suami isteri yang telah menandatangani perjanjian jual beli dengan seorang bukan Islam dengan deposit telahpun dibayar, kemudian berlaku perceraian antara mereka sebelum penyerahan hak milik dilaksanakan.

Dalam hal ini apabila perceraian berlaku, salah satu pihak mengambil keputusan untuk menuntut harta yang terlibat sebagai harta sepencarian. Pada masa yang sama, pihak satu lagi (sama ada pembeli atau penjual) yang bukan Islam juga menuntut haknya dalam pelaksanaan perjanjian jual beli itu. Timbul persoalan sama ada pihak yang bukan Islam boleh menjadi pihak-pihak di dalam mahkamah syariah untuk memfailkan injunksi supaya harta sepencarian itu tidak dibahagikan kepada pihak-pihak yang bertikai dalam isu harta sepencarian. Persoalan lain yang boleh timbul ialah, pihak yang boleh mewakili atau menjadi pihak kepada orang bukan Islam untuk menuntut haknya.

Seterusnya dalam keadaan tersebut juga timbul persoalan sama ada Akta Kontrak boleh terpakai untuk menyelesaikan perkara ini. Jika Akta Kontrak terpakai, sudah tentu pihak yang bukan Islam akan membawa kes ini ke mahkamah sivil sedangkan dalam tempoh pertikaian berlaku, pihak suami atau isteri yang menjadi pihak yang menuntut, akan membawa kes ini ke mahkamah syariah untuk mendapatkan haknya sebagai tuntutan harta

sepencarian terhadap harta yang sedang dalam proses jualan tersebut. Dalam hal ini, jika kes itu dibicarakan di mahkamah sivil, orang Islam sebenarnya boleh menjadi pencelah untuk membuat injunksi supaya harta tersebut tidak dilupuskan dengan apa cara sekalipun. Walaupun demikian, akan berlaku pertembungan antara dua bidang kuasa iaitu bidang kuasa mahkamah syariah dan mahkamah sivil.

Dalam keadaan yang sedemikian, penulis berpendapat, kes ini hendaklah dibicarakan terlebih dahulu di mahkamah sivil di bawah Akta Kontrak untuk menyelesaikan perjanjian jual beli yang masih belum selesai. Setelah keputusan diperoleh, barulah kes tuntutan harta sepencarian dijalankan di mahkamah syariah. Sekiranya diputuskan bahawa urusan jual beli terhadap aset tersebut telahpun sempurna, maka pihak yang kena tuntutan hendaklah membayar kepada pihak yang menuntut bahagiannya selepas diputuskan pula oleh mahkamah syariah dalam isu harta sepencarian. Sekiranya mahkamah sivil membuat keputusan bahawa jual beli belum sempurna, dan pihak yang menjual kemudiannya dikehendaki untuk memulangkan semula deposit dan aset tersebut dikembalikan semula kepada penjual, maka aset tersebut akan diputuskan oleh mahkamah syariah sama ada ia merupakan harta sepencarian atau tidak, dan keputusan akan dibuat tentang pembahagiannya jika ia diputuskan sebagai harta sepencarian.

## **Penutup**

Urus tadbir harta sepencarian semakin penting dan ia harus diteliti dari semasa ke semasa supaya ia mampu mengurus pelbagai bentuk harta. Antara kesimpulan yang boleh dinyatakan di sini ialah, pengamal undang-undang seperti peguam, pihak-pihak dan hakim-hakim yang membicarakan kes-kes harta sepencarian perlu mempunyai pengetahuan yang

luas--bukan sahaja tentang undang-undang khusus yang berkaitan dengan harta sepencarian, prosedur atau bidang kuasa mahkamah syariah--tetapi juga perlu mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang lain termasuk undang-undang sivil tertentu supaya harta sepencarian yang menjadi konflik utama pihak-pihak dapat diurus dan diadili dengan sempurna. Contohnya dalam menyelesaikan isu harta sepencarian yang melibatkan tanah-tanah yang tertakluk di bawah Akta Tanah Berkelompok.

Isu yang berkaitan dengan tanah rancangan seperti FELDA agak unik, maka penyelesaiannya harus tuntas bagi mengelakkan berlakunya penganiayaan atau ketidakadilan terhadap mana-mana pihak. Antara penyelesaian yang boleh dilakukan di sini ialah, mahkamah syariah yang membuat perintah pembahagian harta sepencarian hendaklah membuat perintah menguntukkan bahagian aset terlibat kepada pihak-pihak bertikai. Seterusnya pihak-pihak berkenaan boleh berunding tentang bentuk bayaran yang perlu diserahkan kepada pihak yang berhak. Umpamanya dengan membayar nilai bahagian yang diperuntukkan kepada bekas pasangan, ataupun bekas pasangan (biasanya pihak isteri) menerima manfaat daripada hasil aset atau hartanah tersebut mengikut bahagiannya.